
**MAKLUMAN BERKENAAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-26
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud merangkap Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa **Majlis Konvokesyen Ke-26 UNIMAS akan diadakan pada 31 Oktober 2022 hingga 3 November 2022.**

Majlis Konvokesyen Ke-26 UNIMAS ini adalah untuk **graduan tahun 2022** dan akan diadakan dalam **tujuh (7) sidang** seperti ketetapan berikut:

Tarikh	Sidang	Fakulti
31 Okt 2022 (Isnin)	Pertama (Pagi)	i. Pascasiswazah
1 Nov 2022 (Selasa)	Kedua (Pagi)	i. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) ii. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)
	Ketiga (Petang)	i. Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) ii. Fakulti Alam Bina (FAB)
2 Nov 2022 (Rabu)	Keempat (Pagi)	i. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) ii. Fakulti Kejuruteraan (FK)
	Kelima (Petang)	i. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
3 Nov 2022 (Khamis)	Keenam (Pagi)	i. Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) ii. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM)
	Ketujuh (Petang)	i. Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP)

UNIMAS juga memutuskan untuk **membenarkan kemasukan terhadap kepada dua (2) orang ahli keluarga atau pengiring** kepada graduan ke dalam Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA). Majlis Konvokesyen ini juga boleh diikuti atau ditonton secara *live streaming* melalui pautan yang akan disediakan kemudian.

Sehubungan itu, graduan boleh membuat semakan dan mendapatkan makluman berkenaan Majlis Konvoquesyen Ke-26 UNIMAS dari semasa ke semasa melalui laman sesawang berikut: <https://www.unimas.my/convocation>

Graduan dan semua yang terlibat juga diingatkan agar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) serta peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Bin Suaidi
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak

2 September 2022